



BOLA 1 PENGHASUT 0

Melihat kepada sokongan padu, semangat dan keterujaan yang ditunjukkan pelbagai lapisan masyarakat ketika menyokong skuad bola sepak negara sepanjang kejohanan Piala AFF 2018 baru-baru ini menyedarkan kita betapa sukan boleh menjadi medan terbaik untuk memupuk semangat perpaduan dan patriotisme dalam kalangan anggota masyarakat kita.

Limpahan penyokong yang membanjiri setiap pertemuan pasukan Harimau Malaya di Bukit Jalil sehingga tiket laku dan habis dalam sekelip mata umpama pisang goreng panas membuktikan masyarakat kita masih ada dahan untuk berpaut bagi menzahirkan semangat kebersamaan dan kesepaduan di samping bersedia untuk berkorban apa saja demi melihat kejayaan negara tercinta.

Secara peribadi penulis cukup terharu melihat senario dan perkembangan ini kerana tatkala kita secara terus menerus hampir setiap hari dihadapkan dengan pelbagai isu dan masalah yang membabitkan percakapan dan perselisihan antara ahli politik yang akhirnya membawa kepada politik perkauman, secara tiba-tiba kejohanan Piala AFF ini menunjukkan masih ada sinar di hujung terowong.

Hakikatnya pada hari ini terutama situasi pasca Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) menunjukkan suhu politik tanah air cukup tidak menentu, malah boleh dikatakan amat membimbangkan. Tindakan pelbagai pihak yang terus mencetuskan polemik dan provokasi perkauman semakin mengeruhkan keadaan. Tidak keterlaluan untuk dikatakan pada ketika ini semua perkara dikaitkan dengan agama dan kaum. Akibatnya mula tercetus perbalahan dan perselisihan antara kaum walaupun dalam skala yang kecil dan masih boleh terkawal, tetapi ia tetap merisaukan.

Sikap sesetengah golongan ahli politik yang suka menggunakan platform politik perkauman untuk sengaja mencetuskan provokasi dan memecahbelahkan masyarakat demi mencapai kepentingan politik mahupun agenda peribadi amat menjijikkan. Mereka ini dilihat sanggup buat apa saja untuk mencapai matlamat termasuk memusnahkan jambatan perpaduan yang sudah dibina dan dipertahankan selama ini.

Sejak merdeka terutama selepas insiden 13 Mei sudah acapkali tahap perpaduan kita diuji. Antara peristiwa menjijikkan yang dilakukan oleh rakyat kita sendiri ialah mencemari masjid dan surau seperti melontar kepala dan daging khinzir serta melontar kepala lembu di kawasan kuil. Malah, sudah terdapat banyak kejadian yang mana apabila berlaku saja sedikit provokasi ia

mula mencetuskan perbalahan antara kaum. Mana mungkin kita lupa pergaduhan di Kampung Medan akibat perselisihan membabitkan majlis perkahwinan dan majlis pengebumian. Begitu juga dengan pergaduhan di Plaza Low Yat hanya kerana isu telefon bimbit yang dikatakan dicuri. Ironinya walaupun tindak-tanduk itu membabitkan sikap dan tingkah laku individu, tetapi kita sering mengaitkannya dengan kaum dan agama pelaku tersebut.

Semua kejadian seperti ini tercetus apabila adanya pihak yang cuba membuat provokasi melampau dengan membabitkan aspek agama dan bangsa. Apa yang menyedihkan walaupun sedar ini adalah tindakan provokasi yang sangat berbahaya mereka tetap melakukannya dan ironinya kejadian seperti ini tidak pernah berhenti, malah masih berterusan sehingga ke hari ini. Terkini isu rusuhan di sebuah kuil di Subang Jaya juga turut menjadi mangsa provokasi perkauman pihak tidak bertanggungjawab. Jadi jujurnya masyarakat sudah penat dan jemu dengan perkembangan seperti ini. Itu sebab isu sekolah satu aliran kembali bergema kerana sekolah satu aliran dilihat tempat terbaik untuk memupuk asas kenegaraan dan perpaduan dalam kalangan anak-anak. Namun percayalah sistem politik kita akan terus

menjadi halangan terbesar untuk merealisasikan hasrat mewujudkan sekolah satu aliran. Hal ini kerana masyarakat kita sejak merdeka lagi diberi kelonggaran dan kemudahan untuk membina sekolah vernakular, maka tidak semudah itu sekolah terbabit digantikan dengan sekolah satu aliran.

Maka apa lagi pilihan yang kita ada untuk terus memupuk dan menyuburkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat kalau bukan melalui bidang sukan. Hal ini sangat signifikan kerana dalam soal sukan kita tidak pernah membangkitkan isu perkauman mahupun agama. Satu-satunya kriteria utama yang dititikberatkan ialah skil dan kehebatan seseorang ahli sukan dalam mencapai kejayaan yang disasarkan. Itu sebabnya dalam setiap kejohanan sukan yang besar dan berprestij seperti Sukan Olimpik, Sukan Komanwel, Sukan Asia, Sukan SEA mahupun pertandingan sukan tertentu seperti Kejohanan Piala AFF ini masyarakat akan bersemangat dan teruja untuk menyokong atlet mahupun pasukan kebangsaan.

Sebelum ini kita pernah melihat betapa seluruh rakyat Malaysia memberikan sokongan kepada Datuk Lee Chong Wei dalam final Sukan Olimpik demi pingat emas

pertama negara, begitu juga sokongan rakyat terserlah ketika kita menjadi tuan rumah Sukan SEA. Dan sekarang sekali lagi kita dapat melihat suasana yang sama ketika kejohanan Piala AFF.

Jelas di sini sukan ada aura dan daya tarikannya tersendiri. Kebanyakan daripada kita tidak pernah melihat warna kulit atlet yang menyarung jersi kebangsaan. Kita hanya mahu atlet itu menang dan pastikan lagu keramat Negaraku berkumandang di pentas kejayaan. Jadi kita perlu gunakan platform sukan ini sebagai medium terbaik untuk menyuburkan kembali semangat perpaduan yang pada hari ini digambarkan hanyalah senipis kulit bawang.

Untuk itu kita berharap Kementerian Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dapat bergabung tenaga bagi merangka strategi yang berkesan supaya dapat memanipulasi sepenuhnya bidang sukan sebagai platform dan tunjang utama menyatupadukan rakyat kita mulai di peringkat sekolah. Percayalah ia mesti dimulakan dari bangku sekolah lagi. Biar anak-anak kita belajar erti perpaduan dan kerja sama serta semangat patriotisme melalui pembabitan mereka dalam bidang sukan. Carilah formula yang mujarab untuk merealisasikan impian ini.

Di samping itu KBS juga wajar

memberi fokus kepada sukan yang mempunyai daya tarikan dan peminat ramai sebagai platform untuk menyuburkan perpaduan rakyat. Sukan bola sepak dan badminton misalnya wajar diangkat sebagai sukan ikon perpaduan nasional. Sukan bola sepak misalnya yang menjadi sukan nombor satu dilihat dapat menarik minat majoriti rakyat kita tanpa mengira agama dan bangsa. Jadi pastikan skuad bola sepak negara mampu terus gah di persada antarabangsa supaya penyokong sejati yang lebih dikenali sebagai Ekor Harimau Malaya ataupun Ultras Malaya dapat terus meningkatkan sokongan. Percayalah kejayaan Harimau Malaya mampu menarik minat lebih ramai lagi rakyat kita untuk memberikan sokongan yang sekali gus akan menyuburkan lagi semangat perpaduan dan patriotisme rakyat.

Semoga bidang sukan dapat diangkat sebagai platform yang menjadi teras dan tunjang utama untuk kita merapatkan hubungan antara kaum. Tahniah dan terima kasih kepada Harimau Malaya, walaupun tidak menang tetapi anda adalah juara sejati di hati setiap rakyat kerana berjaya menyatupadukan masyarakat kita.

**Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia**

Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

